

**SIMPOSIUM KEBUDAYAAN DAN KERJASAMA INDONESIA-MALAYSIA 2020  
(SKIM 2020)**

**PADA:  
5 MEI 2020**

**ANJURAN:  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM), BANGI, SELANGOR  
DENGAN KERJASAMA  
UNIVERSITAS PADJADJARAN (UNPAD), BANDUNG, JAWA BARAT, INDONESIA**

**DI:  
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN,  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM), BANGI, SELANGOR**

**TAJUK:  
TREND PENGUNDIAN DALAM PILIHAN RAYA UMUM 2018 MALAYSIA  
DI KAWASAN BANDAR DAN LUAR BANDAR**

JUNAIDI AWANG BESAR  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*jab@ukm.edu.my*

AHMAD RIZAL MOHD YUSOF  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*army@ukm.edu.my*

AMER SAIFUDE GHAZALI  
*Universiti Malaya*  
*asaifude@um.edu.my*

ROSNIZA AZNIE CHE ROSE  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*aznie@ukm.edu.my*

MAZLAN ALI  
*Universiti Teknologi Malaysia*  
*mazlanali.kl@utm.my*

NUR AZUKI YUSUFF  
*Universiti Malaysia Kelantan*

*nurazuki@umk.edu.my*

NASIR NAYAN  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*  
*nasir@fsk.upsi.edu.my*

SITI NORANIZAHHAFIZAH BOYMAN  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris*  
*noranizah@fsk.upsi.edu.my*

## ABSTRAK

Keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia memperlihatkan dinamika politik yang menarik dan bervariasi yang bersandarkan kepada pengaruh isu, kepemimpinan, strategi kempen, faktor kemenangan dan kekalahan, pola pengundian serta lokasi. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis trend pengundian dalam PRU 2018 berdasarkan kawasan bandar dan luar bandar mengikut 222 kawasan Parlimen di negara ini. Penulisan artikel ini dihasilkan melalui analisis data keputusan PRU 2018 bagi kawasan Parlimen dan juga analisis mendalam terhadap maklumat sekunder daripada media arus perdana dan media sosial yang terlibat secara langsung dalam PRU 2018 ini. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa hampir kesemua kawasan bandar dimenangi oleh Pakatan Harapan (PH) dan sebahagian kecil dimenangi oleh PAS iaitu di kawasan bandar di wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Bagi kawasan luar bandar pula, kawasan majoriti Melayu dikuasai UMNO/BN dan juga oleh PAS di Kelantan, Terengganu dan juga sebahagian luar bandar di Kedah. Terdapat juga kawasan luar bandar yang dimenangi oleh sama ada BN, PAS dan PH dengan majoriti tipis disebabkan perpecahan undi ketiga-tiga blok parti. Ini disebabkan oleh segmen demografi pengundi yang berbeza sama ada oleh pengundi setempat, pengundi muda, pengundi luar dan juga pengundi berpendidikan yang lebih tinggi. Justeru, pola pengundian mengikut lokasi geografi dalam PRU 2018 amat menarik dan rencam untuk dikaji dan wajar diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan terutamanya parti politik, kerajaan dan juga pengkaji politik agar dapat dijadikan satu solusi ke arah menghasilkan pemikiran politik yang rasional dan mengikuti trend semasa yang mementingkan kesejahteraan rakyat bersama.

**Kata kunci:** Pilihan raya umum, dinamika politik, lokasi, bandar, luar bandar

## PENGENALAN

Keputusan dan pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 memperlihatkan terdapatnya trend yang jelas penguasaan parti politik bagi kawasan bandar dan luar bandar. Sepertimana sedia maklum bahawa kawasan bandar merupakan kawasan yang mempunyai tahap kemajuan yang lebih baik di samping akses maklumat melalui media sosial yang lebih meluas. Berbeza dengan kawasan luar

bandar, sentimen politik pembangunan dan ideologi kepartian seperti sentimen perkauman dan agama masih menguasai pemikiran dan perasaan pengundi di kawasan tersebut di samping akses maklumat yang terhad kepada media arus perdana seperti televisyen, akhbar arus perdana dan radio. Pola pengundian berdasarkan kawasan bandar dan luar bandar masih dapat dianalisis mengikut kawasan DUN, Parlimen, negeri dan kewilayahannya yang berbeza keadaannya yang dipengaruhi oleh faktor nasional, negeri mahupun lokal atau setempat. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis trend pengundian dalam Pilihan Raya Umum 2018 Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar.

### KAJIAN LEPAS

Politik bandar ialah senario politik yang berlaku di dalam dan di sekitar kawasan bandar. Istilah ini merujuk kepada kepelbagaiannya struktur politik yang ada di kawasan bandar yang dihuni pelbagai bangsa, budaya dan status ekonomi (Jacobs, 1961; Jones, 2004; Toothman, 2010; Owens et al., 2010). Kajian Zarycki (2000) di Poland dan Republik Czech mendapati pengundi bandar di Poland lebih bersifat liberal dalam menerima proses perbandaran. Namun pengundi di Republik Czech lebih bersikap konservatif dan tidak dapat menerima pembaharuan di dalam kawasan perbandaran mereka. Krebs (2001) mendapati dana kewangan, pengalaman dan strategi kempen adalah penting untuk menang dalam pilihan raya perbandaran seterusnya mengetahui selok belok politik bandar di kawasan yang ingin ditandingi calon berkenaan. Wood (2002) menjelaskan pilihan raya perbandaran untuk memilih ahli politik lebih tinggi kadar pembuangan undinya berbanding pemilihan ahli pentadbiran kerana mereka beranggapan ahli politik lebih berpengaruh dalam menentukan dasar pembangunan di kawasan mereka.

Walks (2010) mendapati politik komuniti bandar mempengaruhi keputusan kerajaan dalam sesuatu pembuatan dasar kerana mereka lebih aktif bersuara dalam sesuatu perkara kerana latar belakang pendidikan mereka yang lebih tinggi, isu pembangunan dan penyelenggaraan bandar yang pelbagai di samping sumbangan mereka kepada pembayaran cukai yang lebih tinggi berbanding pengundi luar bandar. Matykowski & Kulczyńska (2011) mendapati pengundi di bandar menjadi penentu kepada kemenangan parti yang bertanding untuk memilih Presiden Poland 2010 kerana mereka merupakan pengundi majoriti di bandar dan lebih ramai yang keluar mengundi berbanding pengundi luar bandar seterusnya membentuk politik bandar yang dinamik dan proaktif.

Nur Azween & Nidzam (2008) mendapati media alternatif mempunyai impak yang signifikan ke arah perubahan trend pengundian masyarakat Malaysia terutamanya dalam konteks politik bandar. Kajian oleh Samsudin (2010) melalui analisis regresi berganda menunjukkan kepercayaan kepada maklumat internet dan daripada kawan-kawan serta isu-isu yang dibangkitkan pilihan raya menyumbang secara positif terhadap keputusan PRU-12 yang memihak kepada gabungan parti pembangkang di kawasan bandar. Dapatkan ini dikaitkan dengan tahap kebolehpercayaan pengundi terhadap kemampuan tadbir urus dan isu sosial (Nur Azuki dkk. 2013).

Kajian politik bandar di Muar dan Kluang oleh Junaidi & Mohd Fuad (2011), Mohd Fuad & Junaidi (2011; 2012a; 2012b), mendapati bahawa dari aspek ekonomi, belia di kawasan tersebut inginkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka di samping tingkat upah/gaji (pendapatan) yang sesuai dengan keadaan ekonomi semasa. Junaidi et al. (2012) dan Mohd Fuad et al (2012) melalui kajian “Impak Akses Internet Terhadap Partisipasi Politik”, mendapati bahawa teknologi komunikasi terutamanya internet sememangnya memberikan peluang yang meluas kepada masyarakat terutamanya di bandar untuk melibatkan diri dalam perbincangan dan perdebatan tentang hal ehwal politik.

## METOD DAN KAWASAN KAJIAN

Dalam kajian ini, metod/data kuantitatif diperoleh dengan menggunakan data keputusan PRU-14, 2018 yang menjadikan Malaysia sebagai kajian kes. Data kualitatif pula diperoleh daripada pemerhatian di lapangan dan sumber sekunder bercetak dan atas talian. Sumber data kajian diperoleh melalui dua sumber utama iaitu sumber primer dan sekunder. Data primer diperoleh melalui keputusan PRU 2018. Kaedah kepustakaan dan rujukan atas talian internet telah digunakan untuk mendapatkan data sekunder yang berkaitan data-data pembangunan kawasan kajian dan kajian akademik mengenai politik Malaysia.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Daripada 222 kerusi Parlimen dalam PRU-14 2018, 127 kerusi adalah luar bandar, 51 kerusi semi bandar dan 44 kerusi adalah bandar. Berikut adalah kawasan-kawasan Parlimen yang dimenangi komponen parti politik mengikut lokasi tahap keterbandaran dalam jadual berikut:

Jadual 1: kawasan-kawasan Parlimen yang dimenangi parti politik mengikut lokasi tahap keterbandaran


<b>Parti politik/ lokasi keterbandaran</b>	<b>Luar bandar</b>	<b>Semi bandar</b>	<b>Bandar</b>	<b>Jumlah</b>
Barisan Nasional	Padang Besar, Arau, Padang Terap, Baling, Ketereh, Tanah Merah, Machang, Jeli, Gua Musang Besut, Hulu Terengganu, Tasek Gelugor, Gerik, Lenggong, Larut, Bagan Serai, Bukit Gantang, Padang Rengas, Parit, Tapah, Pasi Salak, Bagan Datuk, Cameron Highlands, Lipis, Jerantut, Paya Besar, Pekan, Maran, Kuala Krau, Bera, Rompin, Sabak Bernam, Tanjong Karang, Jelebu, Jempol, Masjid Tanah, Jasin, Parit Sulong, Ayer Hitam, Sembrong, Mersing, Tenggara, Kota Tinggi, Pengerang, Pontian, Kudat, Kota Marudu, Tuaran, Kimanis, Beaufort, Sipitang	Kepala Batas, Kuala Kangsar, Rembau, Labuan, Sri Aman, Bintulu (6 kerusi)	Putrajaya (1 kerusi)	79 kerusi

	Pensiangan, Beluran, Libaran, Kinabatangan, Santubong, Petra Jaya, Kota Samarahan, Serian, Batang Sadong, Batang Lupar, Betong, Tanjung Manis, Igan, Kanowit, Mukah, Kapit, Hulu Rajang, Sibuti, Baram, Limbang dan Lawas (72 kerusi).			
PH	Langkawi, Jerlun, Pokok Sena, Kuala Kedah, Nibong Tebal, Balik Pulau, Parit Buntar, Beruas, Tanjung Malim, Raub, Bentong, Sungai Besar, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Tampin, Alor Gajah, Segamat, Sekijang, Labis, Pagoh, Sri Gading, Ledang, Simpang Renggam, Tanjong Piai, Kota Belud, Sepanggar, Papar, Ranau, Tenom, Batu Sapi, Silam, Semporna, Kalabakan, Mas Gading Puncak Borneo, Saratok, Lanang, Selangau (39 kerusi)	Kangar, Kubang Pasu, Merbok, Sungai Petani, Padang Serai, Kulim Banda Baharu, Permatang Pauh, Batu Kawan, Bukit Gelugor, Sungai Siput, Tambun, Batu Gajah, Kampar, Gopeng, Lumut, Teluk Intan, Indera Mahkota, Temerloh, Selayang, Gombok, Hulu Langat, Kuala Langat, Sepang, Kuala Pilah, Port Dickson, Tangga Batu, Bakri Muar, Batu Pahat, Kluang, Tebrau, Pasir Gudang, Iskandar Puteri, Kulai, Penampang, Putatan, Sandakan, Tawau, Sarikei, Sibu, Miri (41 kerusi)	Alor Setar, Bagan, Bukit Mertajam, Bukit Bendera, Tanjung, Jelutong, Bayar Baru, Taiping, Ipoh Barat, Ipoh Timor, Kuantan, Ampang, Pandan, Bangi, Puchong, Subang, Petaling Jaya, Damansara, Sungai Buloh, Shah Alam, Kapar, Klang, Kota Raja, Kepong, Wangsa Maju, Segambut Setiawangsa, Titiwangsa, Buki Bintang, Lembah Pantai, Seputeh Cheras, Bandar Tun Razak, Seremban, Rasah, Hang Tuah Jaya, Kota Melaka, Johor Bahru, Pulai, Kota Kinabalu, Stampin.(41 kerusi)	121 kerusi
PAS	Pendang, Jerai, Sik, Tumpat, Pasir Mas, Rantau Panjang, Bachok, Pasir Puteh, Kuala Krai, Setiu, Kuala Nerus, Marang (12 kerusi).	Kubang Kerian, Pengkalan Chepa, Dungun, Kemaman (4 kerusi).	Kota Bharu, Kuala Terengganu (2 kerusi).	18 kerusi
STAR	Keningau (1 kerusi).	-	-	1 kerusi
Calon Bebas	Batu, Lubok Antu, Julau (3 kerusi).	-	-	3 kerusi
<b>JUMLAH</b>	<b>127 kerusi</b>	<b>51 kerusi</b>	<b>44 kerusi</b>	<b>222</b>

Jumlah keseluruhan kerusi Parlimen luar bandar ialah 127 kerusi. Jumlah kawasan Parlimen luar bandar yang dimenangi BN ialah 72 kerusi (56.7 peratus). Bagi kawasan Parlimen yang dimenangi PH/WARISAN pula ialah 39 kerusi (30.7 peratus). Kemudian kawasan Parlimen yang dimenangi PAS ialah 12 kerusi (9.5 peratus). Kawasan Parlimen luar bandar yang dimenangi parti-parti lain dan calon Bebas ialah 4 kerusi (3.1 peratus). Pengundi di kawasan luar bandar lebih cenderung menyokong BN kerana faktor mentaliti atau sentimen politik pembangunan fizikal dan kebendaan, ideologi politik yang kukuh, selesa dengan pemerintah yang sedia ada, yakin dengan pengalaman BN, pendekatan mesra rakyat pemimpin BN, peranan jentera akar umbi yang telah lama dan mantap, pengaruh media arus perdana, hubungan kejiranan yang erat, dan kebergantungan terhadap bantuan jentera Kerajaan BN

Jumlah keseluruhan kerusi Parlimen semi bandar ialah 51 kerusi. Kawasan Parlimen semi bandar yang dimenangi BN ialah 6 kerusi (11.8 peratus). Bagi kawasan Parlimen yang dimenangi PH/WARISAN pula ialah 41 kerusi (80.4 peratus). Kemudian kawasan Parlimen yang dimenangi PAS ialah di 4 kerusi (7.8 peratus). Tiada kawasan Parlimen semi bandar yang dimenangi parti-parti lain dan calon Bebas. Kawasan semi bandar masih dikuasai PH kerana pengundi di kawasan ini berfikiran positif serta memberi peluang kepada pihak PH untuk menguasai kawasan ini, berfikiran kritikal terhadap isu semasa, sokongan padu pengundi Cina dan India berbanding undi Melayu yang berpecah tiga, sumber maklumat alternatif dan pelbagai, tidak terpengaruh dengan sentimen kaum dan agama, pentingkan semangat toleransi dan kerjasama antara kaum, terbuka terhadap kritikan terutamanya yang membina (Lihat Rajah 1).

Jumlah keseluruhan kerusi Parlimen luar bandar ialah 44 kerusi. Kawasan Parlimen bandar yang dimenangi BN ialah 1 kerusi (2.2 peratus). Bagi kawasan Parlimen yang dimenangi PH pula ialah 41 kerusi (93.2 peratus). Kemudian kawasan Parlimen yang dimenangi PAS ialah 2 kerusi (4.6 peratus). Tiada Parlimen bandar yang dimenangi parti-parti lain dan calon Bebas. Pengundi di kawasan bandar majoritinya menyokong PH kerana mereka berfikiran terbuka, pembangunan infrastruktur sudah tersedia ada, sumber maklumat daripada media alternatif, pentingkan politik nilai melebihi politik pembangunan, utamakan persaingan yang sihat, tahap pendapatan yang memuaskan dan kurang kebergantungan kepada kerajaan, pentingkan keamanan dan perpaduan kaum, toleransi dalam beragama dan kebudayaan kaum masing-masing dan pentingkan isu nasional.



Rajah 1: Peta kedudukan kawasan parlimen yang dimenangi oleh calon daripada parti-parti politik dan calon Bebas yang bertanding dalam PRU Malaysia ke-14, 2018

Sumber: diubahsuai daripada [https://en.wikipedia.org/wiki/Malaysian\\_general\\_election,\\_2018](https://en.wikipedia.org/wiki/Malaysian_general_election,_2018)

### Politik bandar

Politik bandar di Malaysia dikaitkan dengan persepsi dan tingkah laku politik penghuni bandar yang akhirnya diterjemahkan melalui kuasa undi dalam sesuatu pilihan raya. Politik bandar di Malaysia dalam keputusan politik pilihan raya umum (PRU) 2018 menunjukkan pengundi bandar majoritinya menyokong parti-parti pembangkang (kini Pakatan Harapan dan PAS). Hal ini terbukti apabila hampir semua bahagian pilihan raya Parlimen yang terletak di kawasan bandar terutamanya ibu negeri telah ditawan oleh parti-parti pembangkang iaitu DAP, PKR dan PAS. Sokongan pengundi bandar terhadap parti-parti pembangkang berkaitrapat dengan pengaruh sumber maklumat politik mereka yang lebih luas dan telus iaitu melalui penggunaan media alternatif/internet dan mereka kritikal terhadap isu-isu utama negara dan masalah kehidupan harian di bandar. Dalam konteks politik bandar di Malaysia hasil daripada PRU 2018, isu-isu nasional dalam pilihan raya umum 2018 seperti kos sara hidup, konsumerisme, keselamatan, integriti, kehakiman, kedudukan kepentingan strategik

negara serta isu-isu menyentuh hak asasi manusia telah menjadi perkiraan rakyat terutamanya pengundi bandar berbanding habuan pembangunan mega melalui pelancaran koridor-koridor ekonomi. Terbukti, pendekatan politik pembangunan yang cuba dibawa BN kali ini gagal mempengaruhi para pengundi memberikan sokongan. Pencapaian 2018 disimpulkan sebagai yang terburuk bagi BN dalam sejarah pilihan raya Malaysia dengan tewas di peringkat persekutuan serta lapan negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah, Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah yang jatuh ke tangan pembangkang, manakala PAS mengekalkan status quo di Kelantan serta berjaya menawan Terengganu. Rekod PAS di negeri Serambi Mekah itu amat cemerlang berbanding pencapaian pada 2004, manakala prestasi BN di empat negeri lain begitu memerlukan terutamanya jika dianalisis peningkatan majoriti undi yang diperoleh calon-calon pembangkang (Fernando 2011a).

### Politik Luar Bandar

Politik luar bandar dikaitkan dengan dominasi pengundi etnik Melayu. Budaya politik Melayu dipengaruhi oleh unsur-unsur feudal seperti sifat taat setia, akur, submisif dan dikukuhkan lagi dengan hubungan politik *patron-client* (penaung-dinaung) antara yang memerintah dengan yang diperintah yang ditunjukkan oleh rakyat sebagai balasan terima kasih (Jamaie et al. 2005; Noor Sulastri Yurni 2009). Keadaan sedemikian mengukuhkan lagi kepemimpinan hegemoni politik Melayu yang ditunjangi UMNO sebagai tulang belakang Barisan Nasional (BN). Begitu juga ketahanan status quo, sebahagian kawasan parlimen dan negeri masih memiliki pengundi tegar yang mengekalkan status quo parti memerintah, contohnya PAS di Kelantan (Nur Azuki & Iskandar 2019). Dalam memperkatakan budaya politik Melayu, beberapa ciri yang sering dikaitkan dengan budaya politik Melayu iaitu ekonomi, Raja-Raja Melayu, Islam, Bahasa Melayu dan keadilan/ketelusan (politik baru). Kesemua ciri-ciri budaya politik Melayu tersebut mempengaruhi sokongan terhadap BN dalam setiap Pilihan Raya Kecil (PRK).

Kebanyakan daripada pengundi Melayu terutamanya di kawasan luar bandar menyokong UMNO/BN kerana mereka menganggap UMNO yang menjadi tunjang dan juga tulang belakang BN/Perikatan telah mempunyai trek rekod pemerintahan yang berjaya sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menyatukan semua kaum sejak sekian lama. Tidak dinafikan juga sumbangan parti melayu Islam lain yang memerintah negeri seperti PAS (Nur Azuki & Iskandar 2019).

### KESIMPULAN

Pengundi di bandar inginkan kebebasan bersuara serta berpolitik dan mereka bebas mengakses maklumat politik melalui media baru/internet. Senario politik bandar di negara ini yang didominasi golongan elit dan pertengahan adalah dinamik dan terbuka serta kritis kerana sumber maklumat politik mereka (media baru/alternatif iaitu internet; laman sosial seperti facebook dan twitter; laman web; dan blog) yang meluas dan menyeluruh. Tsunami politik bandar dikukuhkan lagi oleh majoriti pengundi Cina yang

pada PRU 2018 sehingga 95 peratus terutamanya golongan muda dan profesional menyokong parti-parti dalam Pakatan Harapan. Justeru itu, jika BN mahu mengekalkan penguasaan politiknya, mereka perlu melakukan sesuatu demi memenangi PRU akan datang. Tsunami politik bandar yang memihak kepada Pakatan Harapan dapat dikekang misalnya dengan cara menambahbaik ‘harapan demokrasi’ bagi mengembalikan kepercayaan pengundi bandar kepada BN. Bagi Pakatan Harapan pula kemaraan ‘tsunami bandar’ perlu diperkasakan. Penembusan maklumat politik ke kawasan luar bandar adalah strategi yang ampuh bagi menawan pengundi Melayu di luar bandar. Strategi ini juga relevan bagi kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak yang merupakan *fix deposit* kepada BN dan tembok hegemoni BN di Putrajaya dalam pilihan raya sebelum ini.

## RUJUKAN

- Carlos, A., Delfina, T.F., Greis, G. 2012. Legislative elections on September 2010 in Venezuela: Electoral behavior and the urban-rural spatial differences | [Elecciones legislativas del 26 de septiembre de 2010 en Venezuela: Comportamiento electoral en el ámbito urbano-rural]. *Revista Geografica Venezolana*. 53(1): 29-55.
- Grant, E. 2005. Race and tourism in America's first city. *Journal of Urban History*. 31(6): 850-871.
- Fernando, J.M. 2011a. Pola Pengundian dan Isu-Isu dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12. Dlm. *Pilihan raya umum Malaysia ke-12: Isu dan pola pengundian*. Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman & Suffian Mansor (Edt.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Fernando, J.M. 2011b. Urban Swing dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Kajian Kes Negeri Selangor. Dlm. *Pilihan raya umum Malaysia ke-12: Isu dan pola pengundian*. Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman & Suffian Mansor (Edt.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jacobs J. 1961. *The death and life of Great American Cities*. Random House, New York.
- Jones M & Rhys J, Woods M. 2004. *An introduction to political geography: Space, place and politics*. Routledge, London.
- Junaidi Awang Besar. 2017. Pengaruh Sentimen Politik Luar Bandar Terhadap Pemikiran Politik Pengundi. International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSH) 2017. Anjuran dan Tempat Persidangan: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Pada 4-6 April.
- Junaidi Awang Besar. 2018. Analisis Faktor Geografi Terhadap Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. International Conference on Social Sciences And Humanities (ICOSH-7) 2018. Tema: “Wisdom and Culture in the ASEAN Region: Perspectives from the Social Sciences and Humanities” “Akal Budi dan Kebudayaan di Rantau ASEAN: Perspektif Sains Sosial dan Kemanusiaan”. Anjuran dan Tempat Persidangan:

- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Pada 12-15 November.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. 2011. Keperluan Belia dan Pendapat Politik di Kawasan Parlimen Muar, Johor. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-3*. Bilik Persidangan, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Anjuran Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan dengan kerjasama Persatuan Geografi UPSI. 8-10 Februari 2011.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. 2012. Impak Akses Internet Terhadap Partisipasi Politik. *The 8th International Malaysian Studies Conference (MSC8)*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Institut Kajian Oksidental dan Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof. 2014. Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space. Themed Issue on The Social Dynamics of Malaysian Political Landscape with Special Reference to the 13th General Elections*. 10: 28 – 38.
- Kaufman S. 2008. *Malaysia's alternative media become decisive political factor* (atas talian).
- Kelleher, C., Lowery, D. 2004. Political participation and metropolitan institutional contexts. *Urban Affairs Review*. 39(6): 720-757.
- Krebs TB. 2001. Political experience and fundraising in city council elections. *Social Science Quarterly*. 82(3), 536-551.
- Matykowski, R., Kulczyńska, K. 2011. Polish presidential election of 2010: A study of the power of voters in big and medium-sized towns. *Geographia Polonica*. 84(2): 93-113.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Novel Lyndon & Mazlan Ali. 2012. Politik Bandar: Persepsi dan Tingkahlaku Politik Pengundi di Kawasan Parlimen Petaling jaya Selatan dan Batu. *Akademika*. 83(3)2012: 61-75.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2011. Persekitaran Bandar dan Pendapat Politik: Kajian Kes di Kawasan Parlimen Kluang, Johor. *Seminar Internasional Serumpun Melayu 2011 (SERUMPUN 2011)*. Fakultas Ilmu Budaya (FIB), Universitas Hasanuddin (UNHAS) Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Anjuran FIB, UNHAS. dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia. 8-9 Jun.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali & Novel Lyndon. 2012. Akses kepada internet dan kesannya terhadap partisipasi politik penduduk di Negeri Johor. *Geografi Online: Malaysia Journal of Society and Space*. 8(6): 76-89.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2012a. Pendapat dan Keperluan Generasi Muda Di Kawasan Parlimen Muar, Johor. *Jurnal E-Bangi*. 7 (1), 50-63.

- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2012b. Persepsi politik dan kepimpinan di kawasan Parlimen (P152) Kluang, Johor. *Geografi Online: Malaysia Journal of Society and Space*. 8(1), 23-32.
- Nur Azuki Yusuff & Iskandar Hasan Tan Abdullah. 2019. The Dominance Status Quo of PAS in Socio Electoral General Election 14th of Kelantan State, *International Journal of Advanced Science and Technology* Vol. 28, No. 16, pp. 680 - 690
- Nur Azuki dkk. 2013. Politik Kepartian Di Kelantan Menjelang PRU 13, dalam Shamsul Amri Baharuddin dan Mansor Mohd Noor (Editor). *PRU-13: Siapa Pilihan Pengundi?*. UKM Bangi: Institut Kajian Etnik
- Nur Azween Zakaria & Nidzam Sulaiman. 2008. Media alternatif sebagai agen perluasan ruang bersuara: Kajian kes pilihan raya umum ke-12. Dlm Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Owens J, Greg T Smith GT, Clark G. 2010. *City limits: Perspectives on the historical European city*. McGill-Queen's UP, Montreal.
- Ramanathan, S. 2008. *Mainstream versus Alternate Media in Malaysia's General Election 2008: Hope for Media Liberalisation?* A paper presented at he AMIC 2008 conference, Manila.
- Samsudin A. Rahim. 2010. Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12. *Malaysian Journal of Communication*. 26(2): 1-15.
- Sharp, E.B. 2007. Revitalizing urban research: Can cultural explanation bring us back from the periphery?. *Urban Affairs Review*. 43 (1): 55-75.
- Sivamurugan Pandian. 2010. Malaysia's 12th General Election: An Analysis. *European Journal of Social Sciences*. 14(4): 508-523.
- Smith, A.R., Reingold, B.,Owens, M.L. 2012. The Political Determinants of Women's Descriptive Representation in Cities. *Political Research Quarterly*. 65(2): 315-329.
- Sonenshein, R.J. & Drayse, M.H. 2006. Urban electoral coalitions in an age of immigration: Time and place in the 2001 and 2005 Los Angeles mayoral primaries. *Political Geography*. 25(5): 570-595.
- Stucky, T.D. 2005. Local politics and police strength. *Justice Quarterly*. 22(2): 139-169.
- Szepesi, G. 2008. The political will as an influential factor of Hungarian urbanization | [A politikai akarat mint a magyarországi városodás befolyásoló tényezője]. *Foldrajzi Ertesito*. 57(3-4): 389-398.
- Toothman J. 2010. "What are the origins of democracy?" 08 June 2010. HowStuffWorks.com. [cited 25 November 2010]. Available from: <http://history.howstuffworks.com/ancient-greece/originsdemocracy>.
- Walks, R.A. 2010. Electoral behaviour behind the gates: Partisanship and political participation among Canadian gated community residents. *Area*. 42(1): 7-24.
- Wood C. 2002. Voter turnout in city elections. *Urban Affairs Review* 38(2), 209-231.
- Zarycki T. 2000. The socio-political space of the Czech Republic and Poland. Comparative study of structures of the electoral geography. *Przeglad Geograficzny* 72(3), 269-284.

## BIODATA

Junaidi Awang Besar (Dr.) ialah pensyarah kanan di Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Ahmad Rizal Mohd Yusof (Dr.) ialah pensyarah kanan di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Amer Saifude Ghazali (Dr.) ialah pensyarah kanan di Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Rosniza Aznie Che Rose (Dr.) ialah pensyarah kanan di Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran; Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Mazlan Ali (Dr.) ialah pensyarah kanan di Fakulti Teknologi dan Informatik Razak, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.

Nur Azuki Yusuff (Dr.) ialah profesor madya di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan, Bachok, Kelantan.

Nasir Nayan (Dr.) ialah profesor madya di Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.

Siti Noranizahhafizah Boyman (Dr.) ialah pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.